



PROGRAM TAKRIF ISLAM



Untuk Siapa

Mereka yang ingin mempelajari tentang Islam secara berstruktur dan ingin melanjutkan

Yuran

Yuran adalah sebanyak \$80 sahaja untuk 1 modul pengajian kecuali modul PTSO Solat, yurannya adalah sebanyak \$70. Ini tidak termasuk harga nota atau buku yang diperlukan.

Jadual Kelas

Sila rujuk pejabat di talian 63469351

Tarikh Tutup Pendaftaran :

Sila rujuk pejabat 63469351 atau emel ke ipip@pergas.org.sg

Penarikan Diri

Tempoh Penarikan Diri	Peratus Yang Dikembalikan
2 minggu sebelum kursus bermula	100%
Sebelum 2 minggu	50%
Selepas kursus bermula	0%

Pengenalan

Program ini telah direka untuk memenuhi keperluan para penuntut dewasa yang tidak pernah mempunyai atau melalui pembelajaran pengajian secara formal. Program ini akan memuatkan cara pembelajaran yang bersifat praktikal dan mengetengahkan pendekatan amalan yang digalakkan (*recommended practices*) dalam melaksanakan ibadat harian.

Objektif Program

Pada akhir program ini, penuntut akan:

- Mengetahui, secara menyeluruh, dasar-dasar Agama Islam.
- Memahami dan mengamalkan akhlak-akhlak misali dalam kehidupan harian.
- Mengenal dan membaca Al-Quran dengan aplikasi hukum-hukum tajwid pada peringkat permulaan.
- Melaksanakan ibadat solat dengan memahami hukum-hukum yang berkaitan dengannya dalam hal-hal tertentu

Struktur Program

Program ini akan berlangsung secara bermodul dengan setiap modul mengambil jangka masa selama 6 minggu untuk kelas 1 minggu 1 sesi, dan 3 minggu untuk kelas 1 minggu 2 sesi, kecuali modul Solat - Pengenalan & Pelaksanaan (6 minggu). **Pelajar perlu mengikuti modul pengajian secara berurutan seperti yang disenaraikan di bawah ini. Di mana 3 modul pertama dan modul PTBA02 Bacaan Al-Quran 2 adalah modul-modul wajib dalam program ini.**

Bagi mereka yang berminat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sijil Pengajian Islam (SPI). Mereka perlu menduduki satu ujian penilaian yang meliputi ujian bertulis dan juga ujian lisan. Mereka yang lulus dalam ujian tersebut akan diberikan **Sijil Pengajian Islam Asas** manakala Sijil Penyertaan akan diberikan kepada mereka yang tamat program tanpa mengambil ujian penilaian.

Sinopsis Modul Pengajian

Kursus-Kursus Wajib

PTPE Pengenalan Kepada Islam

Modul ini memberi fokus kepada inti sari agama Islam yang meliputi Akidah, Akhlak dan beberapa maklumat dasar dalam persoalan Fikah. Modul ini akan memberikan penuntut beberapa cadangan praktikal dalam melaksanakan amalan-amalan harian sesuai dengan petunjuk dan cara yang dianjurkan oleh Islam.

PTAS01 Asas Agama Islam 1

Modul ini akan membahaskan dengan lebih lanjut beberapa hukum-hukum Fikah khususnya yang berkati dengan hal-hal Ibadat yang mencakupi bab Thoharah & Solat. Modul ini juga akan menerangkan dengan menyeluruh, tentang hukum-hukum Fikah ini dan membimbing kepada pelaksanaan hukum-hukum yang praktikal dari kehidupan seharian..

PTAS02 Asas Agama Islam 2

Modul ini akan menyingkap Sirah Rasulullah s.a.w. secara ringkas dan memberi panduan kepada kepentingan memahami Sirah Rasulullah dan perkaitannya dalam kehidupan seorang Muslim. Modul ini juga akan menyentuh tentang sejarah Islam secara am.

PTBA02 Bacaan Al-Quran 2 – Tahsin

Modul ini akan lebih fokus kepada pelancaran bacaan. Penuntut akan membaca surah-surah pilihan daripada Juz Amma dan surah-surah yang lazim.

Kursus-Kursus Elektif

PTBA01 Bacaan Al-Quran 1 – Pengenalan

Modul ini memperkenalkan kepada peringkat asas dan dasar dalam bacaan Al-Quran. Fokus akan diberikan kepada aspek mengenali huruf dan bacaan-bacaan yang mudah dan pendek. Tajwid akan disentuh tanpa memberi penekanan kepada aspek teori secara mendalam.

PTSO Solat -- Pengenalan & Pelaksanaan

Modul ini adalah modul praktikal solat. Penuntut akan diberi latihan praktikal solat dalam keadaan biasa dan juga hal-hal tertentu seperti dalam kapal terbang, bas dll. Modul ini juga akan menerangkan kepada hal pelaksanaan solat yang bersifat mudah dan fleksibel.